

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 31.10.2016

SOALAN :

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia mengkaji semula sistem pendidikan negara seperti pandangan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan Kerajaan Sarawak. Adakah Kementerian bersedia menimbang semula pengujudan Sekolah Wawasan sepertimana yang telah diwarwarkan satu masa dahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum tentang cadangan dan pandangan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan Kerajaan Sarawak tersebut. Pada dasarnya cadangan tersebut bermatlamat untuk memupuk perpaduan nasional yang jitu bermula dari institusi pendidikan dan menggunakan bahasa pengantar yang sama untuk semua kaum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara matlamat utama Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah untuk memupuk perpaduan melalui pendidikan. Atas dasar itu, Sekolah Wawasan telah dilaksanakan oleh kerajaan,

yang merupakan satu alternatif untuk memupuk perpaduan kaum. Sehingga kini, terdapat enam (6) buah Sekolah Wawasan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, hanya satu kompleks Sekolah Wawasan yang melibatkan ketiga-tiga jenis sekolah iaitu sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Lima (5) kompleks Sekolah Wawasan lagi hanya melibatkan penyertaan dua (2) jenis sekolah iaitu SK dan SJKT. Pada masa ini, KPM belum mempunyai cadangan untuk membuat peluasan Sekolah Wawasan tersebut.

RJM21